

Muhammad Kamil cemar mahkamah: Dr M

BH 26 JUN 2001

KUALA LUMPUR, Isnin - Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Datuk Muhammad Kamil Awang mencemarkan mahkamah selepas mendedahkan beliau menerima arahan menerusi telefon supaya menolak petisyen pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tindakan hakim itu menyebabkan rakyat menghadapi masalah dipercayai mahkamah.

Katanya, ini kerana Muhammad Kamil sepatutnya menarik diri daripada mendengar kes itu dan melaporkan beliau mempunyai masalah selepas menerima panggilan berkenaan.

"Sekiranya beliau takut dengan ketuanya, ada kerajaan dan beliau boleh melaporkan kepada saya mengenai ketuanya yang memintanya membuat keputusan yang beliau tidak setuju.

"Beliau perlu membuat aduan atau memberitahu media bahawa ketuanya me-

nelefon dan meminta beliau membuat keputusan berbeza (menolak petisyen)," katanya.

Beliau mengulas kontroversi berhubung pendedahan hakim itu dalam penghakimannya di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 8 Jun lalu.

Perdana Menteri sebelum itu merasmikan Simposium Al Baraka ke-20 tajaan Kumpulan Dallah Al Baraka yang berpangkalan di Arab Saudi.

Muhammad Kamil membuat dakwaan itu dalam penghakimannya ketika mengisytiharkan keputusan

pilihan raya DUN Likas yang diadakan pada 13 Mac 1999 sebagai tidak sah dan terbatal.

Keputusan itu dibuat setelah mendapati ada pengundi yang tidak wujud dalam daftar pemilih kawasan berkenaan. Mahkamah turut mengisytiharkan Daftar Pemilihan 1998 yang digunakan DUN Likas (N.13) bagi pilihan raya itu sebagai haram kerana ada senarai nama pengundi yang tidak wujud di dalamnya.

Perdana Menteri yang ke-

cewa dengan pendedahan itu berkata, hakim berkenaan juga berjaya menyeret mahkamah ke dalam kontroversi umum.

"Saya sedih selepas membaca apa yang sebenarnya berlaku dengan hakim ini. Inilah kali pertama hakim memasukkan kekecewaan peribadi dalam keputusan penghakiman.

"Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah mahkamah untuk hakim berkata anak saya tidak menerima layanan baik daripada kerajaan," katanya.